

## **BAB V**

### **PENUTUP**

#### **5.1 KESIMPULAN**

Pada bab yang kelima ini, penulis akan membuat kesimpulan dan cadangan terhadap kajian yang telah dilaksanakan di bawah tajuk “*Peranan Institusi Dakwah Dalam Menangani Masalah Murtad di Lembah Klang*”, seperti yang telah dibincangkan pada bab-bab yang terdahulu. Sebagai kesimpulan utama daripada kajian yang telah dijalankan maka penulis merumuskan perkara-perkara berikut:

- 1) Murtad bermakna keluar daripada agama Islam ataupun melakukan sesuatu perkara yang bertentangan dengan dasar-dasar Islam yang telah disepakati oleh jumhur ulama bahawa ianya membawa kepada *riddah*, samaada melalui iktikad, perkataan dan perbuatan. Gejala ini telah berlaku semenjak zaman Rasulullah s.a.w. dan berterusan sehingga hari ini.
- 2) Hukuman asal kepada penjenayah murtad ialah hukuman bunuh. Hukuman ganti dilaksanakan kepada penjenayah murtad apabila dia bertaubat dan kembali semula kepada Islam seperti memenjarakannya untuk tempoh tertentu sebagai mendidiknya. Manakala hukuman sampingan terhadap penjenayah murtad pula dilaksanakan pada

perkara-perkara yang berkaitan dengan pemilikan harta benda, pengurusan, perwarisan dan perkahwinan.

- 3) Pada zaman Rasulullah s.a.w dan para sahabat, masalah murtad ditangani dengan penuh tanggungjawab dan ketegasan. Hukuman yang ditetapkan oleh Islam terhadap pesalah murtad dikuatkuasakan sehingga masalah murtad dapat diatasi. Umat Islam bersatu padu dalam usaha membanteras masalah murtad di bawah kepimpinan pemerintahan Islam.
- 4) Kesemua Institusi-institusi dakwah utama di Lembah Klang seperti Jabatan Agama Islam Malaysia (JAKIM), Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM), Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI), Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) dan Persatuan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) dan Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) telah meletakkan visi dan misi mereka untuk memartabatkan Islam. Oleh itu kebanyakan program yang dilaksanakan adalah dalam bentuk yang umum seperti program meningkatkan penghayatan tentang Islam, seminar-seminar kecemerlangan Islam dan seumpamanya. Namun dalam usaha membasmi gejala murtad dari terus merebak didapati kesemua institusi dakwah tersebut tidak meletakkan objektif, maupun pada visi dan misi utama penubuhan mereka untuk membendung gejala murtad dari terus merebak. Justeru itu fokus secara langsung dalam menangani masalah tidak dijalankan secara menjurus dan terancang.

- 5) Institusi dakwah utama seperti Jabatan Agama Islam Malaysia (JAKIM), Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM), Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI), Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) dan Persatuan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) adalah institusi-institusi dakwah yang berada di bawah haikal kerajaan persekutuan dan negeri. Ini bermakna mereka sewajarnya mendapat peruntukan secukupnya dari segi kewangan dan mempunyai saluran yang mudah bagi mendapatkan maklumat tentang kes-kes murtad terutamanya dari pihak Jabatan Pendaftaran Negara. Alasan berlakunya tekanan serta wujudnya suasana birokrasi meletakkan institusi ini dalam keadaan yang agak *difensif* dan dilema.
- 6) Walaubagaimanapun ABIM dilihat sebagai institusi dakwah yang paling kehadapan dan prihatin dalam menangani masalah murtad sehingga ditubuhkan satu portfolio badan bertindak yang bernama NASSEM. Walaubagaimanapun sifatnya sebagai NGO menjadikan kemampuan NASSEM untuk ‘berjuang’ bagi membasmi gejala murtad amat terbatas terutamanya kekurangan sumber kewangan, kekurangan kakitangan dan kemelesetan sokongan serta kerjasama terutamanya oleh pihak berkuasa.
- 7) JAKIM yang sepatutnya menjadi *master-main* dalam menerajui institusi badan dakwah yang lain dalam usaha membasmi gejala murtad sewajarnya memaksimakan sumbangan bagi mengatasi

masalah murtad. Manakala PERKIM pula lebih tertumpu kepada program yang berorientasikan kebajikan terhadap saudara baru. Adapun dalam soal murtad pula sumbangan yang dapat dilihat adalah dalam bentuk memberikan motivasi dan nasihat terutamanya kepada saudara baru yang berhasrat untuk murtad daripada Islam.

- 8) Walaubagaimana pun, institusi-institusi dakwah yang dikaji tetap memberi sedikit sebanyak sumbangan dalam menangani masalah murtad sekalipun usaha mereka masih belum di tahap yang membanggakan
- 8) Beberapa usaha dan sumbangan yang dilakukan oleh institusi dakwah yang dikaji telah memberi kesan kejayaan dalam menangani masalah murtad. Namun, usaha itu sepatutnya lebih konsisten dan dipertingkatkan lagi

## **5.2 CADANGAN**

### **5.2.1 Cadangan Kepada Individu Muslim**

- 1) Setiap individu muslim mestilah memainkan peranan mereka dalam menjaga kesucian Islam. Amanah dakwah perlu dipikul bersama mengikut kadar kemampuan masing-masing dan tidak seharusnya membebangkan tanggungjawab ini hanya kepada institusi-institusi dakwah yang tertentu sahaja. Sebaliknya sentiasa bekerjasama membantu usaha yang dilaksanakan oleh institusi-institusi dakwah dalam usaha menjaga kesucian agama dan kehormatan ummah.

- 2) Individu muslim hendaklah sentiasa berusaha menambah dan memperdalamkan ilmu pengetahuan terutama ilmu-ilmu agama samaada yang melibatkan fardu ain atau fardu kifayah. Individu muslim harus sedar bahawa dengan kekuatan ilmulah yang dapat memandu seseorang untuk *ma'rifatullah*, mengenal antara tauhid dan syirik, iman dan kufur serta batas-batas iman termasuklah persoalan murtad yang menjadi ancaman kepada akidah Islam.

### **5.2.2 Cadangan Kepada Institusi-Institusi Dakwah dan Badan- Badan Berkanun**

- 1) Institusi-institusi dakwah JAKIM, JAWI, JAIS, YADIM, PERKIM dan ABIM badan berkanun yang bertanggungjawab secara langsung dalam soal-soal dakwah perlu mempertingkatkan sistem pengurusan masing-masing terutama dalam menjalankan aktiviti yang bersangkutan dengan dakwah. Mereka tidak boleh menganggap bahawa usaha yang dilakukan ini semata-mata memenuhi kehendak sebagai pegawai kerajaan semata-mata. Bahkan corak pemikiran seumpama ini harus disingkirkan dari minda mereka
- 2) Institusi-institusi dakwah tersebut juga dicadangkan supaya mewujudkan pusat latihan dakwah bagi melatih pendakwah-pendakwah agar mereka benar-benar berwibawa samada dari segi penguasaan ilmu pengetahuan Islam ataupun kemahiran berdakwah demi memantapkan lagi

persembahan dakwah mereka dan sekaligus akan memantapkan lagi profesionalisme pengurusan dakwah.

- 3) Usaha untuk menangani masalah murtad ini sewajarnya dilakukan secara kolektif oleh semua institusi-institusi dakwah terutama yang beroperasi di peringkat kebangsaan. Gerak kerja secara kolektif ini harus dipimpin oleh JAKIM sendiri sebagai induk kepada institusi-institusi dakwah di Malaysia. Adalah diharapkan agar institusi dakwah lebih peka dalam menyelesaikan dan membincangkan masalah ummah yang kontemporer daripada perkara-perkara yang lebih bersifat teori semata-mata.

### **5.2.3 Cadangan Kepada Pihak Berkuasa**

- 1) Mencadangkan supaya Jabatan Pendaftaran Negara hanya boleh memperoses pertukaran nama orang-orang Islam kepada nama yang bukan Islam setelah disahkan oleh Mahkamah Syariah bahawa orang yang berkenaan telah keluar dari agama Islam.
- 3) Menggesa supaya negeri-negeri mengambil insiatif membuat peruntukan undang-undang/enakmen di peringkat negeri masing-masing bagi menghalang pendakytahan agama lain kepada orang-orang Islam sesuai dengan peruntukan yang terdapat dalam Perlembagaan Malaysia Perkara 3 (1) dan Perkara 11 Fasal 1.

- 4) Mencadangkan supaya dilaksanakan syariah Islam yang menyeluruh di peringkat perundangan negara demi membasmi segala kemelut masalah ummah yang berlaku terutamanya dalam usaha membendung gejala murtad, tampanya keadaan akan menjadi lebih parah dan kritikel. Dalam pada itu disarankan supaya hanya Mahkamah Syariah sahaja yang berhak memutuskan samada seseorang itu telah murtad ataupun tidak.
  
- 5) Menilai kualiti Pendidikan Agama Islam bagi memastikan keberkesanannya. Jabatan Pendidikan Islam dan Moral perlu menilai secara berterusan pendidikan Islam yang dilaksanakan sekarang supaya penghayatan nilai-nilai pendidikan Islam di kalangan pelajar menjadi lebih berkesan. Di samping itu perlaksanaan konsep nilai merentasi korikulum yang memupuk nilai-nilai moral dipertingkatkan lagi terutamanya dari segi perlaksanaannya

Demikianlah satu kajian tentang pengurusan dakwah oleh institusi-institusi dakwah dalam rangka menangani masalah murtad yang berlaku di Lembah Klang. Melalui kajian disertasi ini diharap ia dapat memberikan sumbangan dan *in-put* kepada ummah demi kebaikan umat Islam khususnya dan rakyat Malaysia.